

METTA SR TABLET

Metformin Hydrochloride (500mg & 750mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Metta SR
2. Bagaimana Metta SR berfungsi
3. Sebelum menggunakan Metta SR
4. Cara menggunakan Metta SR
5. Semasa menggunakan Metta SR
6. Kesan-Kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Metta SR
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Metta SR

Metformin digunakan untuk merawat kencing manis jenis 2 (tanpa bergantung dengan insulin) di mana penukaran diet dan senaman sahaja tidak mencukupi untuk mengawal glukosa darah (gula)

Bagaimana Metta SR berfungsi

Metformin adalah agen antihyperglisemia (menurunkan tahap glukosa di dalam darah). Pesakit kencing manis jenis II tidak boleh menghasilkan insulin yang secukupnya di dalam pankreas atau badan mereka tidak memberikan tindak balas yang baik kepada insulin yang dihasilkannya. Ini boleh mengakibatkan peningkatan glukosa di dalam darah di mana ianya boleh mengakibatkan beberapa masalah teruk pada jangka masa panjang. *Metformin SR* membolehkan badan lebih sensitif terhadap insulin dan membantu untuk mengembalikan cara badan anda menggunakan glukosa kepada normal.

Sebelum menggunakan Metta SR

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil *Metformin SR* sekiranya:

- Anda ada masalah ginjal atau hati pada jangka masa panjang.
- Anda pernah dirawati untuk masalah jantung atau kebelakangan ini ada serangan sakit jantung atau ada masalah peredaran darah yang teruk atau masalah pernafasan.

- Anda alah kepada metformin atau kepada bahan-bahan kandungan yang lain.
- Anda ada ketosis. (Ini adalah simptom 'diabetik tidak terkawal' di mana bahan yang dipanggil 'tubuh keton' berkumpul di dalam darah. Anda mungkin perasan yang pernafasan anda adalah luar biasa, berbau buah)

Mengandung dan menyusukan anak
Jangan ambil *Metformin SR* jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung. Jangan ambil *Metformin SR* jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda sekiranya:

- Anda ada masalah ginjal di mana ianya boleh mengakibatkan asidosis laktik (pH rendah di dalam tisu badan dan darah).
- Anda kekurangan vitamin B12 dan folik asid.
- Anda mengalami atau pernah mengalami keadaan perubatan seperti berikut:

- Hipoksia seperti sepsis, dihidrasi, - Masalah jantung atau salur darah, termasuk kegagalan jantung, - Sawan atau alkoholisme. Anda harus kembali kepada doktor anda sekurang-kurangnya sekali setahun untuk memeriksa fungsi ginjal anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan. Alkohol, *barbiturates*, *salicylate* dan *phenothiazines* mungkin boleh mencetuskan asidosis laktik. Alkohol mungkin mencetuskan hipoglisemia, seperti sulfonilureas yang diberikan dalam kombinasi dengan *Metformin*. Sekiranya anda mengambil ubat-ubat yang berikut, tahap gula darah anda

perlu dipantau dengan kerap dan dos harus diselaraskan:

- Diuretik (*water tablets*) seperti *furosemide*
- Penghalang saluran kalsium seperti *Nifedipine* boleh mempertingkatkan penyerapan *Metformin*.

Cara menggunakan Metta SR

- Berapa banyak harus digunakan Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Monoterapi dan kombinasi dengan agen oral antidiabetik yang lain: Dos permulaan: Satu hari 1 tab Maksima dos yang disyorkan untuk tablet-tablet 500mg dan 750mg adalah masing-masing 4 dan 2 tablet/sehari.

Warga tua: Disebabkan oleh potensi pengurangan fungsi buah pinggang dalam warga tua, dos *Metformin* harus diselaraskan berdasarkan fungsi buah pinggang. Penilaian berkala fungsi buah pinggang adalah diperlukan. **Kanak-kanak:** Disebabkan kekurangan data yang sedia ada, *Metformin* tidak harus digunakan pada kanak-kanak.

- Bila perlu digunakan

Harus diambil dengan makanan (Ambil dengan makanan petang, telan keseluruhan dan jangan mengunyah atau hancurkan).

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil berlebihan ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau tidak rasa selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Metta SR.

- Perkara yang perlu dilakukan

Sekiranya anda perlu mengambil sinar-X melibatkan suntikan pewarna, beritahu doktor anda yang anda mengambil Metformin SR di mana anda perlu berhenti mengambilnya selama beberapa hari selepas itu.

Beritahu doktor anda sekiranya anda harus menjalani pembedahan menggunakan anestetik am di mana anda perlu berhenti mengambil Metformin SR selama beberapa hari sebelum dan selepas prosedur.

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda. Jangan berkongsi Metta SR dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Anda mungkin akan nampak sisa tablet tertinggal di dalam najis anda. Jangan risau, ianya biasa bagi ubat jenis ini.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Metta SR boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami

sebarang kesan-kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan yang paling serius berkaitan dengan Metformin adalah asidosis laktik. Simptom awal asidosis laktik mungkin tidak spesifik merangkumi rasa loya, muntah, sakit abdomen, dan cirit-birit.

Reaksi lain yang mungkin boleh berlaku adalah termasuk anemia megaloblastik, simptom gastrousus (cirit-birit, muntah-mutah dan lain-lain), reaksi kesensitifan misalnya ruam, urtikaria dan pruritis mungkin akan berlaku..

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Metta SR

- Penyimpanan

Simpan dibawah suhu 30°C, Lindungi daripada cahaya dan kelembapan. Pastikan tidak dapat dilihat atau dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

METTA SR TABLETS 500 MG
Bewarna putih kepada hampir putih, berbentuk kapsul, tablet dwicembung dicetak dengan 'logo Torrent' pada satu sebelah dan '500' pada sebelah yang lain.

METTA SR TABLETS 750 MG
Bewarna merah pucat, berbentuk kapsul, tablet dwicembung dicetak dengan 'logo Torrent' pada satu sebelah dan '750' pada sebelah yang lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif
Metformin Hydrochloride

- Bahan tidak aktif
Lactose Monohydrate
Ammonio Methacrylate Copolymer Type B
Hydrogenated Castor Oil
Magnesium Stearate Ferric Oxide Red (hanya untuk Metta SR 750 mg)

- Nombor MAL

Metta SR tablets 500mg:
MAL12020011A
Metta SR tablets 750mg:
MAL12020016A

Pengilang

TORRENT
PHARMACEUTICALS LTD.
Indrad 382 721, District: Mehsana
INDIA.

Pemegang Pendaftaran Produk

Laboratories Torrent (Malaysia) Sdn Bhd.,
Suite E-08-08 Plaza Mont Kiara,
No. 2 Jalan Kiara Mont Kiara,
50480 Kuala Lumpur Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

10/07/2014